

Malaysia akan lakukan apa sahaja bagi Lindungi ekonomi

Oleh AIMAN ALI dan
NORHAZLINDA DEWI
SUTRISNO
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Malaysia akan melakukan apa sahaja tindakan untuk melindungi kepentingan ekonomi negara susulan tarif timbal balik besar-besaran terhadap lebih 180 negara dengan kadar antara 10 hingga 50 peratus oleh Amerika Syarikat (AS) pada 2 April lalu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, sehubungan itu, negara akan menghantar wakil rasmi ke AS untuk membincangkan tarif 24 peratus dikenakan ke atas import dari Malaysia.

Beliau berkata perdagangan Malaysia dengan negara itu selama ini telah menjadi contoh kerjasama yang saling menguntungkan dan memanfaatkan kedua-duanya, dengan eksport Malaysia menyokong pertumbuhan negara dan menyediakan pekerjaan berkualiti tinggi.

"Kami tidak percaya kepada diplomasi megafon. Sebagai sebahagian daripada pendekatan 'soft diplomacy' melalui pembabitian secara senyap, kami akan menghantar pegawai kami ke Washington untuk memulakan proses dialog.

"Mungkin terdapat ruang yang terhad untuk mengkaji semula niat asas, tetapi masih



ANWAR Ibrahim (lima, kiri) bergambar selepas perasmian Persidangan Pelaburan ASEAN 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) semalam. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

ada ruang untuk menyesuaikan pelaksanaan dasar tersebut," katanya pada Persidangan Pelaburan ASEAN (AIC) 2025, di sini semalam.

Pada 2 April, Presiden AS, Donald Trump mengumumkan beberapa tarif baharu yang secara langsung menaikkan duti import ke atas beberapa rakan dagang Washington di Asia Tenggara.

Negara paling terkesan ialah Kemboja dengan tarif asas sebanyak 49 peratus, diikuti oleh Laos (48 peratus), Vietnam (46 per-

tus) dan Myanmar (44 peratus).

Thailand dikenakan tarif sebanyak 36 peratus, Indonesia 32 peratus, Brunei dan Malaysia masing-masing 24 peratus, Filipina 17 peratus, dan Singapura 10 peratus.

Selain itu, Anwar berkata, negara ASEAN menonjol sebagai mercu harapan dan unsur positif selain masih komited secara menyeluruh terhadap keterbukaan, kerjasama dan kesinambungan institusi.

Jelasnya, jumlah dagangan barangan Malaysia kini berjum-

lah AS\$3.5 trilion (RM16.6 trilion) namun bukan angka yang dapat memberi jaminan pada masa hadapan.

"Dengan gelombang tarif yang melanda dunia secara pantas dan agresif, kita sedang menyaksikan keretakan dalam sistem global. Oleh itu, ASEAN mesti lebih bergantung kepada dirinya sendiri.

"Ini bermakna kita perlu memperkukuh perdagangan intra-ASEAN. Kita mesti melangkaui retorik kepada pelaksanaan sebenar," katanya.